

**-(Si- PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARIRABU: 7 JULAI 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN
NO. 5,11 HINGGA 61)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 3, 4, 6 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 5

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
 (PENGERANG)

TARIKH 07.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengenai masalah kekurangan jurulatih yang terlatih di Sekolah-sekolah Sukan serta mengapakah ia tidak diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dalam melahirkan atlet bertaraf dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari akan masalah kekurangan jurulatih terlatih di Sekolah-sekolah Sukan Malaysia (SSM) tetapi ianya bukanlah ditahap yang membimbangkan. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan **jurulatih terlatih dan berpengalaman** ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan. Diantara langkah-langkah yang diambil oleh KPM termasuklah mendapatkan bantuan dan kerjasama dari Majlis Sukan Negara (MSN) dan Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan bagi membantu KPM untuk melaksanakan program-program sukan di sekolah-sekolah tersebut. Ini bersesuaian dengan hasrat KPM untuk melahirkan barisan atlet dan atlet pelapis dalam kalangan pelajar yang bersedia untuk mewakili Negara di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pewujudan SSM adalah bertujuan untuk memberi fokus kepada kecemerlangan sukan tanpa mengabaikan akademik. Dalam konteks ini, KPM telah menyediakan

\ pendekatan program pembangunan modal insan secara holistik di mana pelajar-pelajar yang dilahirkan dari sekolah tersebut adalah seimbang dalam bidang sukan mahupun akademik. Justeru, kepertanggungjawaban ini dirasakan wajar digalas bersama KPM dan KBS melalui penglibatan secara langsung badan-badan tertentu seperti MSN, Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, KPM juga akan terus berusaha untuk menyediakan guru-guru sukan dan jurulatih terlatih secara berperingkat-peringkat. Untuk tujuan tersebut, KPM telahpun mengenalpasti beberapa buah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sedia ada untuk dijadikan IPGM Sukan, yang bertanggung jawab untuk melatih guru sukan sedia ada, jurulatih sukan terlatih dan bakal guru-guru sukan. Program ini dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu Kursus Dalam Perkhidmatan bagi guru dan jurulatih sedia, serta Kursus Pra Perkhidmatan untuk guru baru sukan.

Rjm 80

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. DATO' HENDRY SUM AGONG
[LAWAS]

TARIKH 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. DATO' HENDRY SUM AGONG [LAWAS] minta MENTERI

KERJA RAYA menyatakan beberapa buah R&R yang akan dibina di sepanjang "Pan Borneo Highway" dari Kuching ke Lawas, Sarawak dan tempat-tempat yang dikenal pasti di mana R&R ini dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin dan mengambil perhatian mengenai tahap keselamatan dan keselesaan para pengguna jalan raya, termasuk di sepanjang Jalan Persekutuan Pan Borneo di Negeri Sarawak. Sehubungan itu, satu Kajian Pelan Induk bagi tujuan mempertingkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pemanduan, termasuk cadangan membina Hentian Rehat dan Rawat (R&R) di Jalan Persekutuan Pan Borneo telah dicadang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia

Kesepuiuh (RMKe-10). Kajian yang melibatkan kos sebanyak RM3 juta itu akan menyediakan pelan komprehensif bagi perancangan dan pembangunan kemudahan awam di Jalan-Jalan Utama Persekutuan pada masa hadapan, seperti mengenai pasti lokasi bagi pembinaan R&R, lorong khas motosikal dan juga hentian untuk kenderaan berat.

Sekian, terima kasih.

No: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA
UTARA]**

PERTANYAAN

LISA

N

TARIKH

**12 07.07.201
0**

SOALAN NO

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab ' MyPROCUREMENT Portal'

- a. hanya mempamerkan kontrak daripada beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan sahaja dan bukannya wajib untuk semua Kementerian dan agensi; dan
- b. tidak menunjukkan butiran kontrak terperinci seperti kuantiti, jumlah petender, tarikh tender ditawar dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dilancarkan pada 1 April 2010, portal MyPROCUREMENT- Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa. Kementerian Kewangan telah meminta semua Kementerian untuk memaparkan maklumat berkaitan keputusan tender dan iklan tender dalam format yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, maklumat tender yang dilaksanakan oleh agensi-

agensi yang di bawah kawal selia Kementerian masing-masing juga akan dipaparkan di portal MyPROCUREMENT oleh Kementerian-Kementerian berkaitan.

Melalui penggunaan portal MyPROCUREMENT yang lebih meluas adalah diharapkan lebih banyak maklumat perolehan dapat dipaparkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Format paparan maklumat di portal MyPROCUREMENT yang dirangka adalah untuk memuatnaik kesemua maklumat utama berkaitan tender seperti tajuk tender, tarikh tutup pelawaan tender, nama petender berjaya dan harga setuju terima. Portal tersebut juga tidak dapat menampung kesemua maklumat terperinci seperti kuantiti, jumlah petender yang melibatkan pelbagai item bagi sesuatu tender serta mengambil kira kekangan di peringkat agensi seperti beban kerja semasa pegawai yang perlu memuat naik dan memastikan maklumat yang dipaparkan adalah tepat.

SOALAN (13)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

7 JULAI 2010 (RABU)

DARIPADA

**Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @
AHMAD (SIPITANG)**

SOALAN

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI @ AHMAD (SIPITANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah lesen yang dikeluarkan sehingga kini terhadap premis yang menjalankan perniagaan refleksologi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2010, jumlah lesen premis yang menjalankan perniagaan refleksologi yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebanyak 767. Maklumat tersebut diperolehi daripada 52 PBT yang mengemukakan maklum balas kepada Kementerian ini. Premis yang menjalankan perniagaan refleksologi dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT.

**Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan**

Julai 2010

PERTANYAAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

BERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
7 JULAI 2010 (RABU)
NO.14

Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) kenapakah Kerajaan menyumbang bantuan kewangan sebanyak RM20 juta untuk membiayai pembangunan dan operasi Universiti Terbuka Wawasan (WOU) dan Tabung Biasiswa Canselor WOU, sedangkan perbuatan sebegini akan memberikan kelebihan secara tidak adil (*unfair advantage*) kepada kolej dan universiti swasta lain; dan
- (b) adakah Kolej Tunku Abdul Rahman diberi peruntukan 50% dari kos operasi setiap tahun mulai tahun 2001 atau sejak penubuhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini tiada sebarang peruntukan kewangan di salurkan kepada Universiti Terbuka Wawasan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

Kementerian sememangnya memberi peruntukan kewangan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) yang merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta 550 dan berada di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi.

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : :

JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH (BN)

(DUNGUN)

TARIKH : 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh (BN) [Dungun] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan mengurangkan bilangan keluarga miskin tegar dan miskin di seluruh Negara dan nyatakan adakah Kerajaan bercadang memperluaskan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan turut memasukkan anak golongan sasar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku peneraju bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA) - Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Rakyat Berpendapatan Rendah telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi tujuan membantu meningkatkan

pendapatan keluarga miskin tegar dan miskin di seluruh negara. Antara program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di bawah NKRA adalah Program 1AZAM. Program 1AZAM adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang

menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan seperti berikut:

(i) Projek AZAM Niaga

Projek ini bertujuan untuk menjana peluang perniagaan melalui latihan dan kemudahan pinjaman dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

(ii) Projek AZAM Tani

Projek AZAM Tani bermatlamat untuk mewujudkan peluang menjana pendapatan dalam sektor berasaskan pertanian dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

(iii) Projek AZAM Khidmat

Projek ini bertujuan melatih dan menyediakan individu yang berkemahiran dalam bidang perkhidmatan untuk bekerja sendiri seperti memotong rumput, penjagaan landskap, *mobile car wash*, pembantu pusat jagaan dan penjagaan ibu bersalin.

(iv) Projek AZAM Kerja

Projek AZAM Kerja bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia.

Dalam hal ini, program-program yang dilaksanakan telah menampakkan kejayaan melalui pengurangan bilangan isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan isi rumah miskin tegar di seluruh

negara telah dapat dikurangkan daripada 44,643 isi rumah miskin tegar pada Disember 2009 kepada 27,665 isi rumah atau pengurangan sebanyak 38 peratus pada 24 Jun 2010. Bagi Ketua Isi Rumah (KIR) yang tidak produktif, KPWKM mengambil inisiatif bagi memperluaskan projek di bawah Program 1Azam ini kepada anak-anak mereka yang produktif dan ingin menjana pendapatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai tambahan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan bantuan kebajikan kepada anak golongan sasar bagi membolehkan mereka menikmati kualiti hidup dengan sempurna. Dalam hal ini, JKM menyediakan Bantuan Kanak-Kanak (BKK) sebanyak RM100 sebulan seorang dan maksimum RM450 sebulan bagi sebuah keluarga yang mempunyai lebih daripada 4 orang kanak-kanak.

Selain itu, Bantuan Latihan Perantis juga disalurkan kepada anak-anak penerima bantuan kebajikan JKM dengan kadar bantuan sebanyak RM200 sebulan seorang. Bantuan ini bertujuan menggalakkan anak-anak penerima bantuan yang tercicir daripada persekolahan dan menganggur mendapatkan latihan kemahiran atau latihan sambil bekerja.

NO. SOALAN:16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
[BAYAN BARU]
TARIKH 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa berikut pelaksanaan Model Ekonomi Baru, apakah pecahan (breakdown) per kapita di dalam jangka masa sepuluh tahun ini yang disasarkan untuk Melayu, Bumiputera (Sabah dan Sarawak), Cina dan India.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Objektif utama Model Baru Ekonomi (MBE) adalah untuk mentransformasikan ekonomi mencapai tahap berpendapatan tinggi. Dengan pertumbuhan KDNK 6 peratus setahun, pendapatan per kapita pada harga semasa akan mencapai AS\$12,140 pada tahun 2015 dan selanjutnya AS\$16,980 pada tahun 2020, iaitu melebihi pendapatan per kapita minimum status negara maju yang dianggarkan sebanyak AS\$14,818 pada 2020.

Walaubagaimanapun, MBE tidak mensasarkan pendapatan per kapita mengikut kumpulan etnik. Kerajaan akan membela kepentingan setiap golongan masyarakat dan memastikan tiada kumpulan yang terpinggir daripada arus pembangunan Negara. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan menumpukan usaha kepada merapatkan jurang pendapatan antara etnik.

SULIT

NO- 17

PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN LISAN
RAKYAT
DARIPADA DATUK TIONG THAI KING [LANANG - BN]
TARIKH 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN NO. 17

Datuk Tiong Thai King [Lanang - BN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan

- (a) jumlah pinjaman yang diluluskan melalui Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) pada tahun 2008 dan 2009; dan
- (b) adakah pelancaran skim ini akan diteruskan. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

- (a) Jumlah pinjaman Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) yang diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2008 dan 2009 ialah sebanyak RM50,719,840 dengan peminjam seramai 1,515 orang belia.
- (b) Untuk makluman, Skim ini telah ditangguhkan sejak penghujung tahun 2009 atas sebab kekurangan dana. Kementerian juga belum menetapkan sebarang tarikh untuk membuka semula permohonan pinjaman tersebut.

SULIT

No: 18

DARIPADA	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH] MALAYSIA
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	07.07.2010
SOALAN NO	18

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perkembangan penguatkuasaan pemakaian pendekatan "*gender responsive budget*" di dalam pengagihan, peruntukan kewangan di dalam setiap Kementerian. Bilakah "*gender responsive budget*" akan dijalankan dengan sepenuhnya di dalam belanjawan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah memulakan inisiatif pelaksanaan *Gender Responsive Budget* (GRB) dalam penyediaan belanjawan negara bermula pada tahun 2006. Sebanyak lima (5) kementerian perintis iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diwajibkan menyediakan permohonan bajet mengurus bagi program-program tertentu menggunakan pendekatan GRB. Kementerian-kementerian lain pula digalakkan untuk mengambil pendekatan yang sama. Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2009 terus menggalakkan semua kementerian/jabatan/agensi menyediakan permohonan bajet masing-masing menggunakan pendekatan GRB.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, antara faktor kritikal dalam pelaksanaan GRB adalah penyediaan serta pengumpulan data dan analisis mengikut pecahan jantina (*gender disaggregated data*). Hasil daripada maklumat ini, kementerian dan jabatan akan mencadangkan program intervensi yang bersesuaian bagi membina keupayaan dan mengatasi permasalahan daripada perspektif gender. Kementerian Kewangan berpandangan pelaksanaan GRB perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan mengukuhkan asas-asas penting seperti pengumpulan data mengikut pecahan jantina, memberi kefahaman dan membentuk kepakaran berkaitan GRB melalui pelan latihan yang berterusan dan tersusun serta meningkatkan komitmen ketua-ketua agensi dalam melaksanakan perancangan program, pelan tindakan dan penggubalan dasar masing-masing berdasarkan pendekatan gender.

No: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	07.07.2010
SOALAN NO	19

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi pengecualian cukai ke atas minyak petrol dan diesel di Labuan berdasarkan kedudukannya sebagai Pulau Bebas Cukai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 95, Akta Cukai Jualan 1972 telah memperuntukkan bagi maksud petroleum, Labuan, Langkawi dan Tioman hendaklah dianggap sebahagian daripada Malaysia dan tertakluk kepada cukai jualan. Oleh itu, kedudukannya sebagai Pulau Bebas Cukai adalah tidak terpakai. Namun, pada masa kini tiada kutipan cukai jualan ke atas penjualan minyak petrol dan diesel memandangkan harga di pam lebih rendah dari harga pasaran tanpa cukai jualan dan subsidi. Sebaliknya, Kerajaan membayar subsidi ke atas minyak petrol dan diesel.

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN
LISAN
PERTANYAAN DARIPADA DEWAAN RAYA
WEE CHOO KEONG [WANGS A MAJU] 7 JULAI
TARIKH 2010 (RABU)

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kementerian telah meluluskan satu kontrak penswastaan kepada Asas Serba Sdn Bhd atau syarikat untuk mengambil alih operasi tol jalan daripada PLUS memohon Kementerian memberi syarat-syarat penting di dalam kontrak tersebut dan sama ada kontrak dianugerahkan secara tender terbuka kepada syarikat tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak meluluskan/menganugerahkan sebarang kontrak penswastaan kepada mana-mana syarikat swasta termasuk Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih operasi jalan tol daripada PLUS. Suka saya menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa Unit Perancang Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri setakat ini belum menerima sebarang permohonan daripada Asas Serba Sdn. Bhd. untuk mengambil alih semua operasi lebuhraya bertol. Dalam hubungan ini, saya telah memaklumkan jawapan tersebut dalam sidang Parlimen yang lepas (Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kedua belas) ketika menjawab soalan yang sama.

No: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 07.07.2010
SOALAN NO 21

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah strategi dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menentukan ketirisan dan pembaziran dapat dielakkan selaras dengan pendekatan NKRA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan pendekatan NKRA, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi dan langkah bagi membendung ketirisan dan pembaziran. Langkah tersebut adalah seperti berikut:

- 1.1 Pemeriksaan belanjawan yang lebih teliti dengan mengenal pasti penjimatan daripada peruntukan sedia ada kementerian/jabatan/agensi sebelum menyediakan peruntukan baru;
- 1.2 Meminta kementerian/jabatan/agensi menilai dan menyusun semula program/aktiviti sedia ada bagi mengelakkan duplikasi dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek sedia ada. Program/aktiviti/projek yang tidak berkesan atau tidak menyumbang kepada pencapaian KPI kementerian/jabatan/agensi dimansuhkan dan peruntukannya diselaraskan semula bagi membiayai program-program penting

No: 22

lain; **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**
DARIPADA

- 1.3 Meminta kementerian/jabatan/agensi melaksanakan pengagihan semula sumber-sumber seperti membuat penugasan semula (*redeployment*) bagi perjawatan/sumber manusia sedia ada serta mengkaji pengagihan peruntukan dan aset bagi meningkatkan keberkesanan kos; dan
 - 1.4 Menggalakkan perolehan Kerajaan dibuat melalui *eBidding* yang dibangunkan oleh Kementerian Kewangan di bawah sistem ePerolehan. *eBidding* membolehkan bekalan/perkhidmatan tertentu diperoleh daripada pembekal dengan lebih cepat dan kos efektif. Melalui *eBidding* beberapa pembekal bersaing secara interaktif melalui internet dengan menawarkan harga tawaran terbaik yang menguntungkan Kerajaan.
2. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memandang serius isu ini dan sentiasa berusaha untuk menambah baik strategi dan langkah kawalan dan pemantauan bagi mengekang ketirisan dan pembaziran.

No: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	07.07.2010
SOALAN NO	22

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pelaksanaan program kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan Kerajaan Negeri, membangunkan projek perumahan mampu milik berharga kurang RM100,000 seunit untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana dapat memberi manfaat kepada orang ramai tetapi gagal dilakukan melalui kontraktor terpilih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2010, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah berjaya menyiapkan sebanyak 18 buah projek yang melibatkan sebanyak 9,812 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara. Sebanyak 34 projek yang melibatkan 36,827 unit masih dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi memastikan projek RMM ini dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat kepada rakyat, pelantikan kontraktor dibuat melalui Tender Terhad dan Tender Terbuka dengan mengambil kira aspek-aspek seperti latarbelakang syarikat, kemampuan kewangan, pengalaman kerja dan harga yang ditawarkan oleh penender. Sehingga kini hanya terdapat 12 sahaja projek bermasalah berikutan masalah teknikal dan kewangan yang dihadapi oleh

kontraktor. Namun begitu, SPNB telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan semua masalah tersebut. Antara tindakan yang telah diambil termasuklah menamatkan kontraktor bermasalah dan melantik kontraktor baru.

W: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

Pertanyaan

PERTANYAAN JAWAB LISAN

Daripada Tarikh

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]

Menjawab Soalan

7 Julai 2010 (Rabu)

No. 23

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bilangan pekebun kecil yang menerima bantuan penanaman semula kelapa sawit bagi tahun 2010 sehingga Jun. Apakah Kementerian bercadang untuk menempatkan pegawai Kementerian di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai pekebun kecil seperti di Parlimen Parit Sulong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 8 Jun 2010, seramai 2,645 pekebun kecil persendirian dan 435 peneroka FELCRA telah menerima bantuan tanam semula sawit di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2). Ini melibatkan kawasan seluas 11,157 hektar untuk pekebun kecil persendirian dan 1,741 hektar untuk peneroka FELCRA. Nilai bantuan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM76,176,469 dan ia termasuk bantuan bernilai RM500 sebulan selama 24 bulan kepada pemilik kebun sawit dengan aggregat kurang daripada 2.5 hektar.

Berhubung dengan penempatan pegawai-pegawai bagi memberi panduan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telahpun menempatkan pegawai-pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) di kawasan-kawasan di mana terdapat taburan pekebun kecil yang ramai.

Semenjak tahun 2002, seramai 92 orang pegawai TUNAS yang bertanggungjawab untuk memberi nasihat penanaman sawit serta amalan-amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti telah ditempatkan di seluruh Malaysia. Ini termasuk tiga orang pegawai yang telah ditempatkan di Persatuan Pertubuhan Peladang Kawasan Parit Sulong, Sri Medan dan Peserai, Johor.

NO SOALAN: 24

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)
TARIKH	07.07.2010 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan memberikan kerjasama kepada siasatan yang dibuat berikutan tindakan peguam Perancis, Joseph Breham dan dua lagi rakannya yang mewakili Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) memfailkan aduan di sebuah mahkamah di Paris berhubung pembelian dua kapal selam Scorpene oleh Kerajaan Malaysia daripada firma pertahanan Perancis DCN.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, pihak Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang permohonan rasmi daripada mana-mana pihak berhubung dengan siasatan yang akan dilakukan oleh peguam Perancis. Sekiranya pihak Kerajaan Malaysia menerima permohonan sedemikian melalui saluran rasmi, maka kerjasama yang sewajarnya akan diberikan oleh pihak Kerajaan.

Soalan No : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
	(HULU RAJANG)
TARIKH	07.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan terkini dalam pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia. Adakah buku teks mencukupi dan kandungannya terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia akan dilaksanakan pada tahun 2011 bermula dengan Tahun Satu. Pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik adalah dalam peringkat pelaksanaan program-program pemantapan pedagogi bagi guru Sains dan Matematik. Program-program seperti Kursus Dalam Perkhidmatan dan Kursus Pemantapan P&P Sains dan Matematik - Kolaborasi bersama Pusat Sains Negara dan Petrosains sedang dalam pelaksanaan.

Dalam pelaksanaan dasar MBMMBI menggantikan PPSMI, buku teks bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan mula digunakan pada tahun 2011 bagi Tahun 1 dan tahun 2012, bagi Tahun 4 di sekolah rendah. Manakala untuk

sekolah menengah pula, pelaksanaannya bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 akan dilaksanakan mulai 2012.

Kandungan buku teks bagi buku-buku berkenaan adalah berdasarkan Kurikulum Transformasi yang mengambil kira aspek-aspek terkini seperti pemikiran inovatif, kreatif dan kritis beserta topik-topik semasa yang relevan dalam dunia masa kini.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang berusaha untuk menerbitkan buku tersebut dan memastikan ianya mencukupi dengan kandungan yang terkini.

No: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	07.07.2010
SOALAN NO	26

Tuan Khalid bin Abdul Samad (SHAH ALAM) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan pendirian Kerajaan berhubung GST dan adakah ianya akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian Kerajaan berhubung dengan cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah jelas iaitu GST akan tetap dilaksanakan di Malaysia sebagai satu usaha untuk menyusun semula sistem percukaian sedia ada supaya menjadi lebih komprehensif, efisien, telus dan mesra perniagaan. Pelaksanaan GST yang merupakan salah satu langkah di bawah dasar fiskal juga dijangka akan dapat memberi kesan positif kepada pertumbuhan negara di dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

2. Perlaksanaan GST tidak akan dibuat secara tergesa-geesa kerana tempoh masa yang secukupnya akan disediakan terutamanya kepada peniaga untuk bersedia dari segi sistem perkomputeran, latihan kepada kakitangan, penilaian proses perniagaan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, tempoh masa (*lead time*) sekurang-kurangnya 18 bulan selepas Rang Undang-Undang GST diluluskan di Parlimen akan disediakan

No: 27

oleh Kerajaan, Selain daripada itu, Kerajaan juga akan memastikan rakyat secara keseluruhannya dapat
DARIPADA

dimaklumkan tentang mekanisme dan model GST yang dicadangkan di Malaysia, kesan pelaksanaan GST dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan di dalam menangani sebarang isu berbangkit sebelum GST dilaksanakan.

NO. AUM : 36

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
	BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]
TARIKH	7 JULAI 2010
RUJUKAN	2793

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa banyak rakyat Malaysia di Sabah yang menyertai polis dalam lima tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelantikan baru pegawai dan anggota polis yang berasal daripada Negeri Sabah untuk tahun 2005 sehingga tahun 2010 ialah seramai 2,426 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 604 orang telah dilantik pada tahun 2005, 378 orang tahun 2006, 176 orang tahun 2007, 463 orang tahun 2008, 377 orang tahun 2009 dan 428 orang tahun 2010.

STATISTIK PEGAWAI DAN ANGGOTA PDRM DARIPADA NEGERI SABAH YANG TELAH DILANTIK PADA TAHUN 2005 SEHINGGA BULAN MEI TAHUN 2010

TAHUN BANGSA	TAHUN 2005	TAHUN 2006	TAHUN 2007	TAHUN 2008	TAHUN 2009	BULAN MEI TAHUN 2010	JUMLAH
MELAYU	92	31	19	40	18	30	230
CINA	7	7	7	2	5	7	35
INDIA	3	-	2	1	2	-	8
BAJAU	67	62	32	109	69	92	431
DUSUN	58	54	27	73	57	117	386
KADAZAN	57	51	25	54	50	35	272
SINO KADAZAN	53	32	16	48	41	15	205
MURUT	53	36	21	45	49	35	239
LAIN-LAIN	214	105	27	91	86	97	620
JUMLAH	604	378	176	463	377	428	2426

SOALAN NO: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' RASHID BIN DIN

TARIKH: 7 JULAI 2010

SOALAN:

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah menetapkan gaji minimum untuk pemandu kenderaan berat khususnya pemandu lori dan bas yang dewasa ini digaji mengikut kaedah komisen/jumlah pejalanan (trip) yang boleh dianggap sebagai satu daripada penyebab kemalangan apabila pemandu perlu mengejar *trip*.

PR-1232-L38594

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan pertanyaan adakah penetapan gaji minimum untuk pemandu kenderaan berat khususnya pemandu lori dan bas yang dewasa ini digaji mengikut kaedah komisen / jumlah perjalanan (trip) yang boleh dianggap sebagai satu daripada penyebab kemalangan apabila pemandu perlu mengejar *trip* ianya boleh mengatasi masalah kemalangan sekiranya faktor-faktor penyebab kemalangan berikut diatasi juga:

- i. Memandu dalam keadaan mengantuk atau mabuk;
- ii. Kenderaan yang tidak diperiksa dan dijaga dengan baik;
- iii. Keadaan / sistem jalan raya kurang baik;
- iv. Sikap pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya;
- v. ikap suka berlumba ingin cepat sampai kesesuaui destinasi; dan
- vi. elemahan penguatkuasaan undang-undang.

S

K

Disamping itu, pihak pengurusan syarikat bas perlu memantau dan memastikan

pemandu mematuhi had jumlah pemanduan seperti yang termaktub dalam Kod Amalan SHE (Safety, Health and Environment) dimana ia menyatakan:

- i. Jam pemanduan maksimum untuk satu hari adalah 8 jam.
- ii. Jumlah jam bekerja maksimum termasuk jam pemanduan untuk satu hari adalah 12 jam.
- iii. Jumlah jam pemanduan berterusan maksimum adalah 4 jam dan mesti diikuti dengan rehat selama 30 minit sebelum meneruskan pemanduan.
- iv. Jumlah hari bekerja berterusan selama 6 hari mesti diikuti oleh 1 hari cuti.
- v. Kaedah 10B Akta Pengangkutan Jalan menyatakan untuk pemanduan melebihi 300km atau 4 jam pemanduan mesti menyediakan dua orang pemandu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah pun menubuhkan Suruhanjaya Siasatan (COI) untuk menjalankan kajian mengenai keperluan untuk mewujudkan MPG bagi Pemandu Kenderaan Pengangkutan A warn (Bas) di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pemandu lori tidak termasuk dalam kajian ini. Laporan COI telah diterima dan sedang dikaji oleh Kementerian.

NO.AUM : 37

NO. AUP : X°[

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA	TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]
TARIKH	7 JULAI 2010
RUJUKAN	2794

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hling [Sarikei] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah penyelesaian pihak Kementerian untuk mengatasi masalah sijil kelahiran palsu apabila membuat kad pengenalan kanak-kanak berusia 12 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara diberi kuasa untuk mengeluarkan Sijil Kelahiran berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1975 (Akta 299), sementara pengeluaran kad pengenalan kepada kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke atas adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78).

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada, tindakan penyelesaian yang boleh diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi mengatasi masalah sijil kelahiran palsu apabila membuat kad pengenalan kanak-kanak berusia 12 tahun adalah dijelaskan sebagaimana berikut:-

- (i) Sekiranya kanak-kanak itu lahir di Malaysia, Sijil Kelahiran palsu kanak-kanak tersebut akan dirampas dan dibatalkan. Seterusnya, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut akan dinasihatkan supaya mengemukakan pendaftaran semula

kelahirannya bagi mendapatkan Sijil Kelahiran yang sah.

- (ii) Tindakan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Semenanjung Malaysia), Ordinan Pendaftaran Kelahiran Kematian 1951 (Sarawak CAP 10) dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sabah, CAP 123) dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dari masa ke semasa bagi kes-kes penipuan dan pemalsuan sijil kelahiran.

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISA
MB DR. LO' LO' BINTI
MOHAMAD GHAZALI
[TITIWANGSA]
RABU, 7 JULAI 2010**

**RUJUKAN
SOALAN**

**12 [PR-1232-
L38002]**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN
BANDAR**

menyatakan apakah KPI bagi DBKL dan juga apakah sasaran DBKL untuk meningkatkan kualiti kerja kakitangan pada tahun 2010 dan akan datang bagi menjadikan pengurusan sampah KL bertaraf kelas dunia, bandaraya selamat, bandaraya sejahtera tanpa kesesakan lalu lintas, pengurangan kadar kemalangan jalan raya dan banjir serta memastikan alam sekitar terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dihasilkan bermula pada tahun 2008. KPI ini telah digaris berdasarkan kepada fungsi-fungsi utama atau *core business* DBKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.

KPI yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan komersil dan kewangan antarabangsa;**
- (ii) mempertingkatkan persekitaran hidup;**

- (iii) mewujudkan satu struktur bandar raya efisyen dan saksama;**
- (iv) membentuk satu identiti dan imej bandaraya tersendiri; dan**
- (v) mempunyai urustadbir yang cekap dan berkesan.**

Dalam meningkatkan kualiti kerja kakitangan, kesemua Jabatan digalakkan menyertai Kumpulan Inovasi dan Kreatif yang mana projek yang dipilih akan dipertandingkan di peringkat DBKL, peringkat Wilayah Persekutuan bagi sektor awam dan peringkat kebangsaan. DBKL juga telah mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001: 2008 pada 18 September 2009 dengan 35 skop pensijilan.

Bagi pengurusan sampah pula, DBKL berperanan **mengawalselia dan memantau perkhidmatan kutipan sampah yang telah diserahkan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB)**.

Dalam usaha untuk mencapai sasaran bandar raya selamat dan bandar raya sejahtera pula, KPI DBKL adalah sejajar dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN) iaitu **untuk mengurangkan kadar jenayah jalanan**. Dalam hal ini, DBKL mengambil langkah untuk menambah bilangan pemasangan CCTV.

Bagi merealisasikan sebuah bandar raya sejahtera tanpa kesesakan lalu lintas pula, ianya tidak mudah dicapai dalam masa singkat. Bandar Raya Kuala Lumpur mengalami keadaan jalan raya yang bertahap tepu (saturated) pada waktu puncak pagi dan petang. Justeru, kesesakan tidak dapat dielakkan tetapi ia boleh **dikawal dengan pengurusan lalu lintas yang baik dan berkesan seperti penggunaan Variable Message System (VMS)**.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), Kerajaan **mensasarkan peningkatan penggunaan pengangkutan awam daripada 12% sekarang kepada 25% menjelang 2012**.

No: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 7.07.2010
SOALAN NO 31

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengenai peluang untuk mengusahakan perniagaan dengan menyediakan premis perniagaan terutamanya di lokasi strategik di luar bandar melalui UDA Holdings Bhd bagi membina 300 unit kedai desa di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak UDA Holdings Bhd (UDA) sedang bekerjasama dengan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk membina kedai-kedai desa di tapak tanah milik PBT yang terletak di kawasan-kawasan strategik di kawasan luar bandar. Setakat ini, pihak UDA telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak PBT dan telah mengenai pasti lokasi yang strategik di enam (6) daerah yang berpotensi untuk dibina kedai desa. Daerah tersebut ialah Bakri di Daerah Muar, Umbai di Daerah Jasin, Serom 3 di Daerah Ledang, Kuala Pahang di Daerah Pekan, Pekan Jeli di Daerah Jeli dan Pekan Melang Daerah Kuala Pilah.

2. Melalui usaha ini, masyarakat desa akan berpeluang untuk mengusahakan perniagaan mereka di premis-premis perniagaan yang akan dibina di lokasi yang strategik di luar bandar.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 7 JULAI2010

SOALAN:

Tan Sri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan rancangan serta bila akan mewujudkan "Minimum Wage Council" untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan sistem upah gaji.

PR-1232-L37206

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan pertanyaan adakah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bercadang untuk mewujudkan "Minimum Wage Council", untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian berpendapat bahawa belum sampai masanya diwujudkan sebuah Majlis Upah Kebangsaan di Malaysia (Minimum Wage Council). Ini disebabkan faktor-faktor berikut:

- (a) Di Malaysia terdapat beberapa kegiatan ekonomi seperti pertanian,

f

pentemakan, perikanan dan perlombongan yang memainkan peranan penting di mana mekanisme penetapan upah/gaji bergantung kepada harga pasaran ekonomi dunia, maka ianya tidak sama seperti sektor perkhidmatan;

- (b) Terdapat perbezaan taraf hidup yang menyulitkan dimana faktor kos sara hidup yang berbeza antara di bandar dan luar bandar menyulitkan perkiraan kadar upah yang sama rata; dan
- (c) Kerajaan berhasrat untuk menetapkan gaji berdasarkan kehendak pasaran semasa melalui pendekatan *Productivity Linked Wages System* (PLWS). Melalui kaedah ini kenaikan gaji adalah selaras dengan peningkatan produktiviti pekerja.

NO.AUM : 44

NO. AUP :*&>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG
SADONG]**

TARIKH 7 JULAI 2010

RUJUKAN 2795

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kadar bilangan anggota polis yang menjaga keselamatan penduduk dan apakah perancangan Kementerian seterusnya untuk memastikan penduduk diberi perkhidmatan yang sewajarnya mengikut bilangan yang dinyatakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekuatan pasukan PDRM sehingga bulan Mac 2010 ialah seramai 104,083 orang pegawai dan anggota polis. Sehubungan dengan ini, nisbah pegawai dan anggota polis berbanding dengan orang awam ialah 1:269. Ini adalah berdasarkan anggaran jumlah penduduk di Malaysia seramai 28 juta orang. Tidak dapat dinafikan, bahawa nisbah tersebut adalah masih di bawah standard yang disarankan oleh pihak Interpol iaitu 1:250. Kerajaan secara dasar telah bersetuju untuk menambah sejumlah 60,000 anggota polis baru yang dilakukan secara berperingkat.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian dan PDRM sedang giat berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan polis kepada masyarakat umum. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan 55 Inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) seperti meningkatkan elemen omnipresence dengan bantuan pihak sukarelawan iaitu Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), penubuhan *First*

Respond Team, meningkatkan interaksi dengan masyarakat melalui program *Stop and Talk* dan Integrasi Sistem PRS (*Police Reporting System*) dengan CARS (Trafik) untuk memudahkan orang awam membuat laporan polis dimana-mana Balai Polis yang berdekatan.

NO. AUM : 48

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]
TARIKH 7 JULAI 2010
RUJUKAN 2796

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan butiran terperinci status projek E- Police Solution di bawah Pelan Strategik 5 tahun, nilai kos semasa dan jadual

pembayaran kepada syarikat Webpower dalam projek tersebut.
Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat
Permatang Pauh kerana mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ada menerima
cadangan pelaksanaan projek E-Police Force Solution.
Bagaimanapun, tiada sebarang kelulusan diberikan ke atas
cadangan berkenaan.

SOALAN NO: 35

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]

TARIKH

7 Julai 2010 (Rabu)

SOALAN

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan

Sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan infrastruktur pemasaran bagi petani-petani kecil di luar bandar telah mencapai hasrat yang diingini. Adakah Kementerian akan membina *perishable centre* yang lengkap dengan kemudahan bilik sejuk dan keupayaan memproses di setiap negeri bagi memantapkan saluran pemasaran untuk petani.

JAWAPAN : **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mempertingkatkan infrastruktur pemasaran bagi petani-petani kecil diluar bandar, Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang atau *Collection Centre* (CC) dan juga Pusat Pengedaran atau *Distribution Centre* (DC) bertujuan menyediakan rangkaian infrastruktur pasaran bagi meningkatkan keberkesanan pengedaran produk agromakanan daripada ladang kepada pengguna.

Distribution Centre merupakan *perishable centre* yang menyediakan kemudahan infrastruktur pemasaran di kawasan bandar yang mempunyai jaringan logistik yang baik bagi memudahkan pengedaran barang. DC dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan seperti kemudahan bilik sejuk, kemudahan untuk pembungkusan dan penggedaran, forklift, pejabat pengurusan dan lain-lain, berfungsi sebagai:

- i. pusat transit, penyimpanan dan pengedaran bekalan kepada pelanggan yang berpotensi;
- ii. pusat pembungkusan semula mengikut pesanan pelanggan (*market demand*);
- iii. penyebaran maklumat pasaran; dan
- iv. pertemuan antara pengeluar dengan pemasar.

Sehingga Mei 2010, FAMA telah membangunkan sebanyak 42 buah *Distribution Centre* di seluruh Malaysia. Dari jumlah tersebut, sebanyak 4 buah *Distribution Centre* telah dibangunkan di Perak iaitu di Ipoh, Chui Chak, BatuKuraudan di Bagan Datoh.

Collection Centre pula merupakan pusat pengumpulan hasil pertanian yang dibina di kawasan ladang untuk :

- i. mengumpul produk yang dihasilkan oleh pengeluar;
- ii. penyediaan produk dan aktiviti nilai tambah;
- iii. penyebaran maklumat pemasaran disamping memberi pendedahan dan kefahaman kepada petani terhadap kehendak pasaran ;
- iv. melaksana amalan lepas tuai melalui aktiviti pembersihan, penyisihan, penggedaran, perawatan, pembungkusan dan pelabelan; dan
- v. penemuan antara pengeluar dengan pemasar

Sehingga Mei 2010, FAMA telah membangunkan sebanyak 116 buah *Collection Centre* diseluruh negara dan sebanyak 17 buah *Collection Centre* adalah di negeri Perak

MO: 56

SJ.B/(164)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOICHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.07.2010

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) **minta MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) apakah natijah terbesar yang menghalalkan pemberian lesen judi bola sepak bersempena kejohanan Piala Dunia 2010 kepada Ascot Sports yang dikaitkan dengan Tan Sri Vincent dan Kumpulan Berjaya; dan
- (b) apakah cawangan-cawangan 7-11 dan Sports Toto yang juga berkaitan dengan Vincent Tan akan dijadikan tempat jualan judi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak mengeluarkan / memberi lesen kepada Syarikat Ascot Sports Sdn Bhd untuk menjalankan operasi

29/11 2015 17:21 FAX

@001

pertaruhan *bookie* di Malaysia.

SOALAN NO: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID

TARIKH: 7 JULAI 2010

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bahawa di dalam Akta Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) mengenai pengawal keselamatan bagi tahun 2010 yang bakal dikuatkuasakan mulai 1 Julai ini adalah sebanyak RM500 hingga RM700 sebulan mengikut lokasi geografi yang telah ditetapkan dalam jadual Sub Perenggan 2(1) dan mengapakah ianya berbeza dari yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu gaji minimum RM1,100 hingga ke RM1,450 sebulan.

PR-1232-L37441

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, gaji minimum yang diumumkan pada 1 April 2010 bagi pengawal keselamatan Semenanjung, Sabah dan Sarawak iaitu RM1,100 hingga ke RM1,450 sebulan adalah merupakan anggaran jumlah pendapatan (*take home pay*) bagi seorang pengawal keselamatan swasta. Anggaran jumlah pendapatan tersebut merangkumi Gaji pokok minimum sebanyak RM500 hingga RM700, dan RM 600 hingga RM 750 adalah elaun kerja lebih masa, elaun kehadiran, elaun shif, elaun senjata dan lain-lain elaun yang ditetapkan di bawah Perintah Peraturan Gaji mengikut kawasan yang telah dipersetujui oleh Majlis Penetapan Gaji. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Penetapan Gaji dianggotai oleh wakil majikan, pekerja dan pihak Kerajaan.

Walaubagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 2010 telah menangguhkan pelaksanaan gaji minimum setelah mendapat permintaan dari Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS [2010]**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALL [PASIR MAS]

TARIKH 7 JULAI 2010 [RABU]

SOALAN

Dato' Ibrahim bin AM [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha yan dibuat oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi menentukan bahawa masjid tidak digunakan untuk tujuan menyebarkan fahaman politikn seperti saranan DYMM Sultan Selangor sebelum ini, walaupun ianya dibawah pebgawasabn Majlis Agama Negeri-negeri dan dibawah kuasa Duli-Duli Yang IVteha Mulia Raja-Raja Melayu.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan Senarai 2 Senarai -Negeri, jelas menyatakan bahawa pengurusan masjid adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Bagai manapun, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) bagi menyelaras dasar - dasar dan program pelaksanaan Islam di negara ini. sejauh mana pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh MKI ini bergantung kepada nawaitu Kerajaan Negeri.

Di Wilayah Persekutuan, antara usaha yang dibuat untuk mengawal daripada masjid disalah guna untuk politik ialah dengan memberi tauliah mengajar. Ini telah diperuntukan di bawah Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006 yang memperuntukkan seperti berikut:

"Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan tauliah mengajar di bawah kaedah 25 hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) *tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;*
- (b) *tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua agama Islam sesuatu negeri;'*

- (c) tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (d) **tidak menyentuh isu politik;**
- (e) tidak menyentuh secara langsung hal-hal peribadi mana-mana individu;
- (f) tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama; dan
- (g) mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. ”
 - (i) seseorang itu menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 9 Akta Kesaianan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] yang memperuntukkan seperti berikut:

Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama

” 9. Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan

suatu kesiaahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. ”

Berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut, pihak Jawatankuasa Masjid perlu peka dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid, dan sekiranya didapati masjid tersebut disalahgunakan untuk kepentingan politik, Jawatankuasa boleh membuat laporan kepada pihak Majlis bagi mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pihak tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGALKETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
[2010]**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis)
TARIKH	7 JULAI 2010

SOALAN:

YB. Datuk Hajah Noriah binti Abdul Rahman [Tanjung Malim]
minta PERDANA MENTERI Menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan sebuah surau di Kampung Iban, Stalon, Tanjung Manis; dan
- (b) memberi peruntukan bagi mengupah Ustaz dan Ustazah yang

bertauliah dan berpengalaman bagi kelas bimbingan **SOAAN NUUK**
penduduk-penduduk Islam di kawasan Parlimen Tanjung Manis.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan untuk membina sesebuah surau atau masjid adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk menentukannya. Walau bagaimana pun, pihak Kerajaan Negeri boleh memohon peruntukan melalui Pejabat Pembangunan Negeri, Unit Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

(b) Berpandukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pembahagian bidang kuasa pentadbiran agama dan pentadbiran pendidikan Islam adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri berkenaan. Maka semua urusan berkenaan bimbingan agama perlu dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) telah mengadakan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi melaksanakan program takmir masjid dan surau. Iaitu menyediakan peruntukan kepada MAIN bagi membayar elaun guru-guru agama yang telah dilantik memberi bimbingan agama kepada penduduk di masjid mukim/kariah berkenaan.

Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 1986.

Di kawasan Parlimen ini, terdapat 4 orang guru takmir yang diberi elaun oleh kerajaan merangkumi 2 dun. Bagi Dun Pelawai mempunyai seorang guru takmir yang mengajar di Masjid Darul Arqam. Bagi Dun Semoh terdapat 3 orang guru takmir yang ditugaskan mengajar di:

1. Masjid Darul Islah, Kg. Salleh Kecil
2. Masjid Kg. Betanak
3. Masjid Kg. Penuai

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 9

NO. AUP : Hr°

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]
TARIKH	7 JULAI 2010
RUJUKAN	2791

JAWAPAN

SOALAN:

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki prestasi, kualiti kerja, dan imej pasukan Polis di Malaysia dan sejauh manakah langkah-langkah ini telah berjaya meningkatkan kredibiliti pasukan Polis negara ini.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu yang mengemukakan pertanyaan.

Dalam usaha untuk memperbaiki prestasi, kualiti kerja dan imej pasukan polis, beberapa pendekatan telah diambil oleh pihak kerajaan. Dari aspek latihan, setiap anggota terutamanya yang terlibat secara langsung dengan orang ramai diberikan latihan dan panduan mengenai penyampaian perkhidmatan. Sebagai contoh, tatacara mengendalikan aduan dan memberikan pertolongan kepada mangsa jenayah. Dengan ini, orang ramai akan berasa lebih yakin dan selesa untuk berurusan dengan pihak polis.

JAWAPAN

Pihak PDRM juga membuat penambahbaikan terhadap prosedur, peraturan dan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan peraturan dan undang-undang berkenaan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Ini akan dapat meningkatkan kualiti kerja dan meningkatkan kredibiliti pihak polis.

Selain daripada itu, kerajaan telah melaksanakan pembinaan balai polis komuniti dan balai polis bergerak. Dengan adanya kemudahan sebegini, sebarang laporan lebih mudah dibuat dan pencegahan jenayah dapat dilakukan dengan lebih efektif. Ini akan dapat meningkatkan prestasi pasukan polis dan sekaligus dapat mencapai

NKRA iaitu mengurangkan kadar jenayah jalanan. Program Rakan Cop dan *community policing* yang dilaksanakan akan turut membantu mengurangkan kadar jenayah.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, program-program kemasyarakatan yang lain ialah penempatan "*liaison office*" di sekolah-sekolah dan dialog atau pertemuan dengan orang ramai. Melalui cara ini, pihak polis dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh masyarakat di sesuatu kawasan dan membantu pihak polis menyampaikan maklumat dan pesanan secara terus kepada masyarakat termasuk pelajar-pelajar sekolah. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti kerja dan imej pihak polis kerana dapat berurusan terus dengan masyarakat.

Di peringkat antarabangsa pula, PDRM mempunyai imej yang baik dan dihormati oleh pasukan-pasukan polis dari negara lain. Ini terbukti dengan penglibatan PDRM di dalam operasi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu banyak negara yang telah menjalankan kerjasama dengan PDRM dalam bidang bina upaya dan perkongsian maklumat dan kepakaran. Sebagai contoh Australia dan negara-negara ASEAN. Ini bermakna negara luar telah memandang tinggi dan mengiktiraf keupayaan PDRM sehingga Malaysia dipilih sebagai tuan rumah kepada Sekretariat Tetap ASEANAPOL. Ini jelas menunjukkan kerajaan telah

berjaya meningkatkan kredibiliti pasukan polis negara ini.

Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)
TARIKH	07.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan tentang cadangan pembinaan SMK Paris, SMK Sukau dan SMK Entilibon di Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung pembangunan pendidikan khususnya di kawasan Kinabatangan, termasuklah cadangan pembinaan SMK Paris, SMK Sukau dan SMK Entilibon di Kinabatangan yang ditimbulkan hampir setiap sesi persidangan Parlimen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan bangunan gantian penuh untuk SMK Paris, SMK Sukau dan SMK Entilibon telah tersenarai antara projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9 tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan siling. Namun, bagi projek SMK Entilibon, jadual pelaksanaan projek ini telah dirancang untuk dibina pada penghujung tahun ini setelah kerja-kerja menyediakan pelan reka bentuk projek disiapkan sepenuhnya.

No. SOALAN: 42

Manakala bagi SMK Paris dan SMK Sukau, KPM telah mencadangkan semula projek tersebut dalam **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tapak bagi SMK Sukau telah diperolehi, manakala SMK Paris di peringkat perolehan.

PERTANAYAN

Rjm 76

LISAN

DARIPADA Y.B. Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] 7 JULAI 2010
TARIKH SOALAN Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]
minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimakah GTP (*Government Transformation Plan*) akan dapat membantu memperbaiki atau memulihkan kedudukan GLC terutamanya yang mengalami kerugian teruk seperti Sime Darby Berhad.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

GTP merupakan inisiatif Kerajaan untuk mendorong perubahan dan penambahbaikan kecekapan penyampaian jentera Kerajaan supaya dapat mendatangkan hasil yang besar dan bermakna untuk rakyat. Pada tahap ini, GTP melibatkan semua kementerian, tetapi tidak melibatkan secara langsung GLC. Semua GLC di bawah Khazanah perlu menjalani program transformasi mereka sendiri.

Seperti sedia maklum, di bawah GTP, enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA telah dikenalpasti dan dilaksanakan, iaitu: mengurangkan kadar jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Inisiatif membanteras rasuah oleh kerajaan di bawah GTP dapat membantu secara tidak langsung mengelakan kejadian seperti mana yang telah menimpa Sime Darby atau mana-mana syarikat.

Sebagai contoh di bawah NKRA membanteras rasuah, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah diperkasakan dengan pelantikan beberapa jawatankuasa, termasuk Jawatankuasa Pilihan Parlimen, dan pelantikan kakitangan tambahan. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat telah baru-baru ini diluluskan oleh Parlimen. Laman Web *MyProcurement* telah mulai mempamerkan penganugerahan kontrak-kontrak oleh kerajaan secara telus dan terbuka. *Integrity Pact* oleh Transparency International juga sudah bermula dilaksanakan bagi hampir semua kontrak kerajaan.

Syarikat-syarikat ternama seperti Sime Darby juga tidak terkecuali daripada interogasi daripada SPRM. Sepertimana semua maklum, SPRM telah menyatakan siasat

No. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN Eksekutif dan juga eksekutif-eksekutif tertinggi Sime Darby untuk mencari punca masalah syarikat tersebut.

Langkah-langkah ini dijangka akan mencegah rasuah dan tindakan tegas dijangka akan terus diambil bagi mereka yang bersalah, sekaligus membantu bukan sahaja GLC, malahan setiap syarikat kecil atau besar akan menerima manfaat hasil daripada inisiatif kerajaan di bawah pengelolaan SPRM ini.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGALKETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)

TARIKH

7 JULAI 2010

SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria (Parit) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menangani masalah seks bebas di kalangan masyarakat Islam Negara ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan aktiviti pelacuran sebagai satu kesaianan mengikut undang-undang di dalam negara.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar tentang pelbagai jenis maksiat serta masalah sosial yang melanda negara dari hari ke hari. Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah sosial dan maksiat seperti seks bebas, pelacuran dan seumpamanya . Kerajaan melalui JAKIM secara langsung dan tidak langsung telah pun melaksanakan program- program pencegahan dalam menangani masalah sosial serta maksiat. Antara program-programnya adalah seperti seperti berikut:

1. Kempen kesedaran isu-isu semasa tentang gejala sosial kepada masyarakat melalui seminar, kursus, ceramah- ceramah, khutbah- khutbah jumaat, dan bengkel-bengkel,
2. Program Outreach/ Temuseru diperkasakan kepada golongan remaja nakal, gay, mat rempit dan pelacur untuk mendekati mereka, memberi kefahaman/kesedaran dan cuba menarik mereka kembali kepangkal jalan.
3. Penerbitan buku, risalah-risalah isu-isu sosial dan diedarkan ketika program dan ‘outreach’ .
4. Pelaksanaan program-program bersama remaja dengan kerjasama NGO’s , Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, Polis Diraja Malaysia.
5. Program-program ke arah pemantapan penghayatan agama dan pembudayaan nilai murni yang telahpun dilaksanakan oleh Jakim

sejak tahun 1985 sedang diperkasakan. Fokus program . pada kali ini ialah mempertingkatkan penghayatan Islam dalam institusi keluarga melalui Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS). Kedua dua program ini telahpun mempunyai prasarananya di negeri-negeri.

Usaha-uasha tersebut diharapkan dapat menerapkan kefahaman Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat seperti golongan remaja, belia, oku, warga tua dan seumpamanya agar menghindarkan dari gejala negetif termasuk seks bebas.

Berhubung dengan peruntukan undang-undang untuk menjadikan aktiviti pelacuran sebagai satu kesaianan, perkara ini telah pun diperuntukkan secara jelas dalam Akta Kesaianan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559], dan boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja. Antara peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah seperti berikut :

- (i) Seksyen 21 - kesalahan pelacuran, yang boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu; dan
- (ii) Seksyen 22 - kesalahan **muncikari**, yang boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga

tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 44

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISA
MB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH

RABU, 7 JULAI2010

**RUJUKAN
SOALAN**

10 [PR-1232-L38481]

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan :Adakah Kerajaan akan meneruskan operasi Tabung Penyelenggaraan IMalaysia pada tahun-tahun yang akan datang; dan
(a) Senarai agensi Kerajaan dan swasta yang telah menyumbang kepada tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, adalah dimaklumkan bahawa dana Tabung TP-IMalaysia di perolehi melalui sumbangan pihak swasta di atas konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan geran khas pelancaran TP-IMalaysia.

Untuk program jangka panjang, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) akan memohon peruntukan tahunan agar Tabung TP-IMalaysia terus dapat beroperasi pada tahun-tahun yang akan datang.

Berikut adalah senarai agensi-agensi Kerajaan yang telah menyumbang kepada Tabung TP-IMalaysia, iaitu :

- (i) Kementerian Kewangan Malaysia;
- (ii) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; dan
- (iii) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Manakala, syarikat swasta yang terlibat memberikan sumbangan pula adalah seperti berikut :

- (i) Guocoland (Malaysia) Berhad;
- (ii) NAZATTDI Sdn. Bhd.;
- (iii) Island and Peninsular Group;
- (iv) YTL Land & Development Bhd.;
- (v) MSL Properties Sdn. Bhd.;
- (vi) Lembaran Beruntung Sdn. Bhd.;
- (vii) Sunrise Berhad; dan
- (viii) Green Packet Berhad.

SULIT

+PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN
	[LIPIS-BN]
TARIKH	7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN NO. 45

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan setakat mana peranan pertubuhan belia yang dilihat sebagai ejen untuk menangani permasalahan sosial di bawah Program Satu Komuniti Satu Persatuan.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2009 telah memperkenalkan program 1 Komuniti 1 Persatuan. Program ini bertujuan untuk mewujudkan persatuan belia di peringkat akar umbi supaya ianya akan menjadi alternatif gaya hidup sihat di kalangan generasi belia yang sekali gus akan menangani isu-isu permasalahan sosial yang melanda generasi belia. Program yang dilaksanakan tersebut telah menampakkan kesan yang positif apabila sehingga kini terdapat lebih 7 ribu persatuan belia telah diwujudkan di seluruh negara.
2. Kementerian yakin dan percaya bahawa pertubuhan belia adalah ejen terbaik bagi menangani isu permasalahan sosial belia jika pelaksanaan aktiviti-aktiviti belia sepertimana yang digariskan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 dilaksanakan dengan sebaiknya.

NO. AUM : 24

NO. AUP :

PEMBERITAHUA

N PERTANYAAN

BAGI JAWAB

LISAN TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [
PERTANYAAN KETEREH]
DEWAN RAKYAT

DARIPADA 7 JULAI 2010

2792
TARIKH

RUJUKAN
LISAN

SOALAN

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana berfungsinya makmal pengurusan pekerja asing. Apakah resolusi yang telah dibuat oleh makmal tersebut dan nyatakan juga kesan kepada kemasukan pelabur asing ke Malaysia

JAWAPAN:

akibat daripada pengurangan pengambilan pekerja asing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Ketereh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa izin telah memutuskan untuk diadakan Makmal Pengurusan Warga Asing yang telah berlangsung dari 23 Mac 2010 hingga 23 April 2010.

Makmal Pengurusan Warga Asing mempunyai 3 objektif iaitu:

Pertama, menyediakan satu *platform* perbincangan antara Kementerian/ Agensi Kerajaan bersama pihak swasta dan yang berkepentingan dalam sektor ekonomi dan keselamatan yang memerlukan orang asing di Malaysia bagi menangani isu kehadiran warganegara asing yang terlalu ramai di Malaysia.

Kedua, mengkaji dasar dan pelaksanaan sedia ada dan mencari inisiatif baru bagi mengambil tindakan secara menyeluruh dan komprehensif atas kehadiran warganegara asing di Malaysia.

Ketiga, mendapatkan kaedah bagi menangkis tanggapan masyarakat seolah-olah Kerajaan tidak tegas dalam mengawal keberadaan pekerja asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini.
Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN:

Makmal tersebut telah dianggotai oleh 35 orang pegawai dari pelbagai Kementerian dan Agensi. Sesi bersama *Syndication Partners* (dengan izin) telah diadakan bersama lebih 60 perwakilan dari pelbagai organisasi, persatuan dan agensi Kerajaan. Tujuan diadakan proses *syndication* ini adalah bagi mengenalpasti dan mengemukakan isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan Kerajaan di dalam menghadapi warga asing serta mencari jalan penyelesaian dan cadangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan agar analisa dan cadangan yang dibuat lebih komprehensif.

Melalui Makmal berkenaan, sebanyak 50 inisiatif telah dihasilkan dari aspek permintaan dan bekalan, sistem dan proses serta penguatkuasaan dan perundangan.

Semua inisiatif ini sedang dikaji dan diteliti oleh Kementerian dan agensi yang berkaitan. Kerajaan akan mengumumkan inisiatif-inisiatif tersebut setelah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
[2010]

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DR.MUJAHID BIN HAJI YUSOF

NO SOALAN..

RAWA[PARIT BUNTAR]

TARIKH 7 JULAI 2010

SOALAN :

DR.MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pengajaran yang telah diambil dalam kes Kartika sebagai rujukan bagi memperbaiki pelaksanaan undang-undang enakmen syariah di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan yang di-Pertua,

Pengajaran yang dapat diambil daripada kes Kartika ialah hukuman sebat ke atas wanita perlu diberi penelitian yang sewajarnya terutamanya dari segi pelaksanaan hukuman dan apa yang paling penting ialah penjelasan kepada masyarakat berkaitan hukuman sebat

dan kaedah sebatan dari perspektif perundangan Islam, yang sememangnya jauh berbeza dari hukuman sebat sivil. Tambahan pula, perundangan mengenai hukuman sebat, telah sedia ada, dan amat jelas telah diperuntukkan di dalam Akta/Enakmen Prosedur Jenayah Syariah.

Penubuhan dan bidangkuasa Mahkamah adalah berdasarkan kepada Senarai II, Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Bagi bidang kuasa jenayah telah diperuntukkan antara lainnya pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

Bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah pula diperuntukkan di bawah seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa takat hukuman bagi bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah bidang kuasa persekutuan (untuk Wilayah Persekutuan) dan di bawah bidangkuasa negeri hendaklah mempunyai bidang kuasa terhadap pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap “perintah agama itu” dan boleh dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda

tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 [Akta 3557] juga tidak memperuntukkan sebarang pengecualian terhadap pesalah wanita daripada dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam Akta tersebut termasuk hukuman sebat. Tambahan pula, perundangan mengenai hukuman sebat, telah sedia ada, dan amat jelas telah diperuntukkan di dalam Akta / Enakmen Prosedur Jenayah Syariah. Masyarakat juga perlu diberi penjelasan mengenai hukuman sebat dan kaedah pelaksanaannya mengikut perspektif Islam.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman
[Hulu Terengganu]

TARIKH

7 JUL 2010 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan dan bidang kuasa Jawatankuasa Antara Agama yang dipengerusikan oleh Datuk Ilani Isahak yang telah ditubuhkan pada bulan Februari 2010.

JAWAPAN: (*oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon*)

Sejak awal tahun 2005, Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah Majlis Perpaduan Negara telah mewujudkan satu jawatankuasa di bawahnya di mana beberapa pemimpin pelbagai pertubuhan (NGO) agama bersama-sama dengan ketua-ketua dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dapat berdialog secara sistematis dan tersusun supaya mencapai persefahaman dan keharmonian antara para pengikut pelbagai agama.

Wakil-wakil agama terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari ACCIN dan MCCBCHST. ACCIN ialah *Allied Coordinating Committee for Islamic NGOs* yang merangkumi 17 NGO Islam termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan sebagainya. MCCBCHST ialah *Malaysian Consultative Committee for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism*.

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Hajah Ilani binti Isahak, jawatankuasa ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Perhubungan Antara Penganut Agama telah menganjurkan beberapa pertemuan dan dialog, di samping mengadakan mesyuaratnya secara tertutup. Lanjutan daripada perubahan sosio-politik pada tahun 2008 dan 2009, jawatankuasa ini tertangguh selepas pertengahan tahun 2009.

Selepas beberapa kejadian yang melibatkan gereja, masjid dan gurdwara pada bulan Januari 2010, Jemaah Menteri memutuskan untuk melantik Y.Bhg Datuk Ilani sebagai Penyelaras Khas untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin agama, secara berasingan dan secara bersama, dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.

Hasil daripada proses perbincangan ini yang melibatkan wakil-wakil dari ACCIN dan MCCBCHST serta pegawai-pegawai kanan IKIM, JAKIM dan JPNIN, satu cadangan telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya ditubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama. Jawatankuasa ini yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada pertengahan bulan Mac 2010 merupakan mekanisme semata-mata untuk berdialog dan berunding. Ia bukanlah sebuah suruhanjaya dan tidak mempunyai sebarang kuasa dan fungsi perundangan atau eksekutif.

Apabila jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pertamanya pada awal bulan April secara tertutup, satu media elektronik telah melaporkannya sebagai Suruhanjaya Antara Agama atau *Inter-faith Commission* yang pernah dicadangkan pada beberapa tahun dahulu, tetapi telah ditolak sebab ianya dianggap tidak sesuai.

Akibat daripada laporan media ini, maka timbulah banyak pandangan yang berbeza-beza dalam media massa. Walaupun begitu, hampir semua pihak bersetuju bahawa dialog antara pemimpin-pemimpin agama memang wajar digalak dan diadakan. Sebenarnya, IKIM sendiri pernah menganjurkan dialog-dialog sedemikian, manakala Malaysia telah giat mengambil bahagian dalam dialog antara agama di peringkat antarabangsa, misalnya, baru-baru ini pada bulan Mac tahun ini, satu rombongan rasmi Malaysia yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah telah menyertai Dialog Kepercayaan yang dianjurkan oleh Non-Aligned Movement (NAM) di Manila.

Oleh itu, perbincangan sedang diadakan untuk mencapai persefahaman mengenai nama dan struktur yang sesuai untuk tujuan menggalakkan dialog dan memupuk persefahaman antara para pemimpin agama secara tersusun. Adalah perlu untuk memastikan bahawa mekanisme yang diwujudkan hendaklah berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan dapat diterima umum.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN

JAWAPAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) sebab-sebab caj setem untuk surat biasa dinaikkan 100% iaitu dari 30 sen kepada 60 sen yang akan berkuatkuasa pada bulan Julai ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memberikan lesen baru untuk menubuhkan POS Malaysia kedua supaya dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien dengan caj yang lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar tarif sedia ada yang telah diguna pakai sejak tahun 1992 adalah terlalu rendah dan akan menjelaskan Pos Malaysia apabila sistem *Terminal Dues* baru yang bermula pada tahun 2010 dilaksanakan secara berperingkat di seluruh dunia. Ia akan memberikan impak negatif yang besar kepada Malaysia dari segi pengendalian mel antarabangsa disebabkanimbangan pembayaran mata wang asing yang negatif melibatkan negara ini iaitu dalam memberi subsidi kepada pengendali pos negara luar.

Di bawah sistem *Terminal Dues* baru ini, Pos Malaysia akan menanggung kos operasi yang lebih tinggi bagi mel yang dihantar ke luar negara. Sebaliknya, Pos Malaysia akan menerima bayaran yang jauh lebih rendah berbanding pembayaran keluar akibat tarif mel domestik Malaysia yang

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

rendah berbanding negara lain.

Penstruktur semula tarif perkhidmatan pos secara keseluruhannya akan membantu Pos Malaysia menampung kos operasi dan pembangunan perkhidmatan pos yang semakin meningkat. Penstruktur semula tarif ini juga dilihat wajar kerana ia tidak menjelaskan kepentingan orang ramai yang ingin mengutus surat asas. Ini adalah kerana rakyat masih boleh menggunakan aerogram domestik iaitu Mel Rakyat yang telah dilancarkan pada 22 April 2010.

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH 23 JUN 2010

SOALAN

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan siapakah yang menaja iklan 2 muka surat di New York Times yang mengalu-alukan Datin Seri Rosmah Mansor ke New York dan berapa kos pengiklanan tersebut.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAJIB TUN RAZAK
PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Iklan dua halaman yang dimaksudkan itu telah muncul di akhbar New York Times, semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada bulan April yang lalu. Isu ini timbul setelah sebuah portal berita membuat tuduhan kononnya pihak *New York Times* berkata iklan itu ditempah oleh kerajaan Malaysia. Ingin saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia dan mana-mana agensinya tidak terlibat sama sekali dengan iklan tersebut, sama ada dari segi perancangan, penempahan mahupun pembayaran.

Saya difahamkan bahawa iklan tersebut telah ditempah oleh sebuah NGO Amerika bersempena dengan anugerah yang mereka sampaikan kepada isteri YAB Perdana Menteri di atas kerja-kerjanya dalam hal ehwal kemanusiaan dan dalam memperjuangkan pendidikan kanak-kanak. Saya juga difahamkan bahawa NGO tersebut telah pun menulis surat dan membuat penjelasan kepada *New York Times* dan juga kepada portal berita yang menimbulkan isu ini, bahawa iklan tersebut tiada kena mengena sama sekali dengan Kerajaan Malaysia mahupun mana-mana ejen mewakilinya. Dengan itu saya kira soal kos kepada kerajaan tidak timbul dan perkara ini tidak lagi menjadi persoalan. Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
 [Kuala Krai]

TARIKH 23 JUN 2010

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada 'Wanita Pertama' adalah isteri Perdana Menteri atau Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan adat, budaya dan amalan protokol di Malaysia, gelaran 'wanita pertama' tidaklah menjadi suatu amalan. Ramai orang berpendapat dalam konteks negara Malaysia, 'wanita pertama' adalah merujuk kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Secara lateralnya, pendapat tersebut adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah lebih tinggi daripada 'wanita pertama'.

Kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 32 (2) dan hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang

JAWAPAN: YAB DATO' SERI MOHAMED NAJIB TUN RAZAK

di-Pertuan Agong. Terminologi ‘wanita pertama’ tidak wujud sama sekali dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, untuk menyamakan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dengan ‘wanita pertama’ seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain adalah tidak tepat sama sekali. Sekiranya ada dan diamalkan, ‘wanita pertama’ di Malaysia mestilah berada di bawah daripada kedudukan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : *sz*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN ~~TUAN JAWAHN~~ TARikh
DARIPADA YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN
SOALAN JAAFAR [JERAI]

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [JERAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membatalkan kontrak dengan *APCO Worldwide* dan *Asiasoft (M) Sdn. Bhd.* yang menjadi pertikaian umum berikutan pendedahan yang mengejutkan rakyat Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah pun berkali-kali menjelaskan isu *APCO Worldwide* dan *Asiasoft (M) Sdn. Bhd.* di dalam Dewan yang mulia ini, setelah perkara tersebut mendapat perhatian umum. Setakat ini, kedua-dua syarikat telah memenuhi tanggungjawab mereka mengikut terma- terma kontrak yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Oleh itu, tidak wujud sebarang alasan untuk pihak Kerajaan membatalkan kontrak dengan kedua-dua syarikat tersebut.
Sekian, terima kasih.

No: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)
PERTANYAAN	LISAN 07.07.2010
TARIKH SOALAN NO	53

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (KUALA SELANGOR) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah kos keseluruhan yang dianggarkan oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan sistem percukaian GST yang bakal ditanggung oleh orang awam dan pihak swasta bagi kesemuanya menjadi GST-komplian, yang berpedapanan melebihi RM500.000.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai barang dan perkhidmatan (GST) adalah merupakan satu bentuk cukai kepenggunaan yang mana ianya dikenakan ke atas bekalan (jualan) barang dan perkhidmatan. GST bukan merupakan cukai ke atas pendapatan individu ataupun ke atas keuntungan syarikat seperti mana cukai pendapatan individu atau cukai korporat. Sehubungan dengan itu, orang awam tidak perlu berdaftar di bawah sistem percukaian GST dan seterusnya tidak perlu menanggung sebarang kos pelaksanaan.

2. Pihak yang perlu berdaftar dan seterusnya mengenakan GST ke atas bekalan barang dan perkhidmatan mereka adalah pihak swasta (peniaga) tetapi tertakluk kepada nilai jualan tahunan (*threshold*) iaitu RM500.000 setahun. Mana-mana peniaga yang berdaftar di bawah sistem percukaian GST, tidak banyak sedikit pasti akan menanggung kos pematuhan. Namun begitu,

berdasarkan kajian IMF, kos pematuhan yang perlu ditanggung terutamanya oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah sebanyak USD 500 sahaja. Selain daripada itu, lebih kurang 40% peniaga yang akan berdaftar di bawah GST adalah mereka yang pernah dilesenkan di bawah sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Ini disebabkan kerana secara asasnya mereka sudah mempunyai sistem perakaunan, kakitangan yang berpengalaman dan kefahaman yang jelas tentang proses dan prosedur. Kajian juga mendapati kos pematuhan yang perlu ditanggung oleh peniaga adalah lebih rendah kerana kurangnya karenah birokrasi. Ini disebabkan kerana GST adalah merupakan sistem percukaian yang *self policing* dan

self compliance.

NO. AUM : 63

JAWAPAN

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

DARIPADA 7 JULAI 2010

TARIKH 2797

SOALAN:

Rujukan:
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan memenuhi permintaan kerajaan Thailand dengan memberi jaminan keselamatan bertulis kepada Dr. Pornthip Rojanasunand supaya beliau dapat menghadiri inkues kematian Teoh Beng Hock di Malaysia, jika tidak kenapa.

NO. AUM : 63

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kerajaan memberi jaminan ke atas keselamatan Dr. Pornthip Rojanasunand jika beliau menghadiri inkues berhubung kes kematian Teoh Beng Hock. Sekiranya beliau merasakan dirinya terancam, beliau perlulah memberikan maklumat dengan membuat laporan polis bagi membolehkan pihak polis mengambil tindakan

JAWAPAN

sewajarnya.

NO. AUM : 60
NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [
SELAYANG]**

TARIKH **7** **JULAI 2010**

RUJUKAN **2798**

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang dibunuh dan dicederakan oleh polis bagi setiap tahun sejak tahun 2004, prosedur/peraturan yang mengawal kegunaan senjata oleh pihak polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Selayang yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah penjenayah yang ditembak mati sejak tahun 2004 hingga 2009 adalah seramai 221 orang iaitu seramai 13 orang pada tahun 2004, 9 orang pada tahun 2005, 16 orang pada tahun 2006, 13 orang pada tahun 2007, 82 orang pada tahun 2008 dan 88 orang pada 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung penggunaan senjata api oleh pihak polis semasa bertugas, ianya dinyatakan di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) Bab D222 (Penggunaan Senjata Api Oleh Pegawai Polis). Anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan dan hak

mempertahankan diri ketika bertugas sepetimana yang terkandung dalam Kanun Kesekeaan serta Perintah Tetap Ketua Polis Negara (KPN) Bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap berkenaan *Standard Operating Procedure*, dengan izin atau SOP mengenai penggunaan senjata api, latihan-latihan amali yang merangkumi kaedah pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan berkenaan, anggota akan didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga kerap dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
	(LIBARAN)

Soalan No : 56

TARIKH **07.07.2010**

SOALAN:

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) senarai projek pembinaan sekolah dan program pendidikan yang telah dilaksanakan mengikut perancangan sepanjang Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) di negeri Sabah; dan
- (b) bilakah SMK Gum-Gum II dan SMK Libaran dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Dalam RMK-9, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengadakan pelbagai program untuk memenuhi keperluan serta meningkatkan kemudahan infrastruktur pendidikan di negeri Sabah. Antara projek yang dilaksanakan adalah

- i. Projek Pembinaan Sekolah Baru
- ii. Projek Menaiktaraf Rumah Guru Luar Bandar
- iii. Tambahan Bilik Darjah berkonsepkan kabin
- iv. Projek Penyelenggaraan Pembekalan Air Bersih dan elektrik.

Buat masa ini, KPM tiada cadangan untuk membina SMK Gum-Gum II dalam tempoh terdekat. Manakala bagi pelaksanaan SMK Libaran, telah dicadang untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK-10.

JAWAPAN

NO. AUP: 9*-

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 7 JULAI 2010

RUJUKAN 2799

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan samada siasatan telah pun dibuat ke atas aduan Raja Perempuan Kelantan pada 6.5.2010 bahawa Polis telahpun menggunakan kekerasan terhadapnya dan apakah tindakan yang diambil terhadap Polis dan sekiranya tiada kenapa.
Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis tidak pernah menerima laporan rasmi daripada Raja Perempuan Kelantan berhubung dakwaan pihak polis menggunakan kekerasan terhadap Baginda.

Soalan No : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU)
TARIKH	07.07.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian hanya membayar bil air dan elektrik SJK bantuan penuh dan membiarkan SJK bantuan modal. Dalam pemberian bantuan, mengapa Kementerian masih mengamalkan pembezaan antara SJK “bantuan penuh” dan “bantuan modal” yang jelas bersifat diskriminasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin kepada kos pendidikan semakin meningkat yang ditanggung oleh pihak sekolah terutamanya keperluan untuk menjelaskan bil-bil utiliti. Pada masa ini, dasar atau pendekatan yang diamalkan bagi menjelaskan bil utiliti adalah seperti berikut:

- i. KPM membuat bayaran terus kepada setiap sekolah melalui bantuan per kapita (PCG) di bawah Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) di mana peruntukan ini boleh digunakan bagi tujuan bayaran bil utiliti;
- ii. KPM menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri bagi menampung sebahagian bil utiliti tertaklum kepada peruntukan.

Rjm 82

Soalan No : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

SOALAN NO.: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH 7 JULAI 2010 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap kejadian keruntuhan Stadium Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 2009 dan jumlah kos yang terlibat serta bentuk penalti terhadap kontraktor berkenaan.

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi menyiasat punca keruntuhan sebahagian dari bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Laporan

Awal jawatankuasa tersebut telah dilkemukakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada 15 Julai 2009 manakala Laporan Akhir pula telah diserahkan pada bulan Januari 2010 untuk tindakan Kerajaan Negeri selanjutnya. Ini kerana projek pembinaan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan di bawah peruntukan Akaun Amanah Dana Khas Negeri Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah mengarahkan kontraktor utama projek berkenaan, iaitu Konsortium Bina Struktur - Emarcon - Genggam Mercu JV untuk melaksanakan keqa-kerja pembersihan sisa keruntuhan bumbung di stadium itu. Ini kerana projek ini masih di dalam Tempoh Memperbaiki Kecacatan (*defect liability period*) semasa kejadian runtuhan berlaku, iaitu sehingga 31 Mac 2010. Justeru itu, Kerajaan tidak menanggung sebarang kos tambahan untuk kerja-kejaya tambahan yang terlibat akibat dari kejadian runtuhan tersebut memandangkan ia masih di bawah tanggungjawab kontraktor utama sebagaimana termaktub dalam kontrak.

Walau bagaimanapun, kontraktor Konsortium Bina Struktur - Emarcon - Genggam Mercu JV enggan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan itu walaupun beberapa surat

peringatan telah dikeluarkan kepada mereka. Oleh itu Kerajaan telah merampas bon jaminan pelaksanaan dari kontraktor berkenaan dan seterusnya menawarkan tender baru pada 22 Mac 2010. Tender untuk membersihkan sisa runtuhan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu telah ditutup pada 19 April 2010. Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang dalam proses untuk memilih petender yang berjaya dan dijangkakan kerja-kerja pembersihan sisa runtuhan akan dimulakan dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah menggantung lesen pendaftaran kontraktor utama projek ini dan mengenakan tindakan senarai hitam kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang sahamnya dari mengambil bahagian dalam mana-mana tender Kerajaan mulai 4 September 2009.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)

TARIKH : 07.07.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) kekurangan guru Bahasa Cina (tidak termasuk guru sambilan) di sekolah menengah kebangsaan; dan
- (b) langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Cina ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Sehingga 31 Januari 2010, jumlah guru Bahasa Cina mengikut keperluan perjawatan dan subjek di seluruh negara di Sekolah Menengah adalah seramai 2,204 orang. Daripada jumlah tersebut, masih terdapat beberapa negeri yang tidak mencukupi guru khususnya dalam bahasa Cina seperti di Pahang dan Sarawak.
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa merancang dari semasa ke semasa untuk memastikan keperluan bekalan guru mencukupi bagi semua jenis sekolah sama ada di peringkat rendah ataupun menengah. Unjuran keperluan guru dibuat dengan mengambil kira keperluan pelbagai

jenis aliran sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Terdapat pelbagai program latihan perguruan jangka pendek dan jangka panjang seperti Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah, Diploma Pendidikan, dan Kursus Dalam Cuti dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Guru bagi membekalkan guru terlatih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Unit Penyelaras Pelaksanaan Negeri, Jabatan Statistik serta lain-lain agensi berkaitan dalam menentukan keperluan pembinaan sekolah baru. Selain daripada itu, KPM juga turut membuat analisis trend serta unjuran pertambahan murid bagi sesuatu kawasan.

Inisiatif terbaru yang akan dilakukan oleh KPM dalam usaha mendapatkan bilangan guru Bahasa Cina, seperti yang di umumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa pembentangan RMKe-10 di Parlimen ialah membuka ruang dan peluang kepada lulusan SPM dan memiliki UEC boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian Bahasa Cina di IPGM.

SOALAN NO.f 61

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

TARIKH 7 JULAI 2010

SOALAN:

Tuan Khairy Jamaluddin minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membentangkan usul meminda Akta Pilihan Raya untuk membolehkan kerusi Parlimen yang dikosongkan akibat kematian atau peletakan jawatan Ahli Parlimen diisi oleh seorang individu yang dicalonkan oleh parti yang diwakili Ahli Parlimen tersebut sewaktu bertanding di Pilihan Raya Umum.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Undang-undang sekarang, kekosongan sesuatu kerusi sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri akan disahkan kekosongan jika seseorang Ahli Dewan meninggal dunia, atau muflis, atau dikenakan hukuman penjara tidak kurang satu tahun atau didenda tidak kurang RM 2000.00, jika sabit kesalahan, atau diisyiharkan oleh mahkamah kerusi tersebut kosong berikutan kes petisyen pilihan raya atau meletakkan jawatan.

Berhubung dengan soal peletakan jawatan, seseorang ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh meletak jawatan atas kemahuannya sendiri, berdasarkan peruntukan Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri.

Mengenai soaian Ahli Yang Berhormat tersebut, buat masa ini,

Kerajaan tidak bercadang untuk meminda undang-undang berkaitan dengan keperluan mengadakan pilihan raya kecil, kerana keperluan tersebut adalah berdasarkan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan belum berhasrat untuk mengkaji cadangan supaya suatu kerusi yang kosong itu diisi oleh seorang individu yang dicalonkan oleh parti yang diwakili Ahli Parlimen tersebut sewaktu bertanding di Pilihan Raya Umum, kerana pengosongan kerusi tersebut merupakan suatu kekosongan luar jangka yang hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan luar jangka itu dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya melalui suatu pilihan raya kecil sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.